

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan dan berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta bertaraf Bumiputera dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk tender berikut:-

**T1/20/END-DESA/JPPA/13** : To Supply, Deliver, Install And Commissioning "A Complete Of Non-Inverter And Inverter Type Air Conditioning Split Unit And All Other Related Works" At Main Campus , Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT) And Engineering Campus, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

**Kelayakan**

<b>Kod Bidang MOF</b>	:	<b>020301</b> - Membekal Peralatan Elektrik Dan Aksesori.  <b>*Pengedar / Pembekal / Ejen (Authorised Dealer) bagi jenama penyaman udara. (Salinan surat lantikan wajib dilampirkan) ; DAN</b>
<b>Gred</b>	:	<b>G3</b>
<b>Kategori</b>	:	<b>ME</b> (Mekanikal)
<b>Pengkhususan</b>	:	<b>M01</b> (Sistem Hawa Dingin & Pengedaran Udara)

**Tarikh Taklimat**  
**Tempat Taklimat**

: **28 Julai 2020 (Selasa), Jam 11.00 Pagi.**  
Dewan Kuliah U, Bangunan Kompleks Dewan Kuliah G27, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

**Syarat Taklimat**

- i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri **taklimat** dan digalakkan untuk membeli dokumen sebelum tarikh taklimat tender diadakan. Selepas sesi taklimat diadakan, dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang telah hadir ke sesi taklimat sahaja.
- ii) Sesi taklimat dan lawatan tapak **hanya boleh dihadiri seorang wakil** sahaja iaitu **penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.**
- iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.
- iv) Wakil Syarikat (**Penama**) yang hadir wajib mengemukakan **Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan atau Kad Perakuan Penerimaan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri, Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.**
- v) Wakil Syarikat (**Penama**) diminta hadir **setengah (1/2) jam lebih awal** untuk saringan suhu badan.

**Tarikh Tutup Tender**

: **18 Ogos 2020 (Selasa), Jam 12.00 Tengahari**

- Harga Dokumen** : **RM60.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender**.
- Tarikh Dokumen Dijual** : **22 Julai 2020 (Rabu) hingga 14 Ogos 2020 (Jumaat)**
- Syarat Permohonan Dokumen Softcopy** : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan emel kepada [perolehan\\_tender@usm.my](mailto:perolehan_tender@usm.my) dengan wajib mengemukakan salinan secara atas talian dokumen dan butiran seperti berikut:
- i) Sijil Pendaftaran Kod Bidang Kementerian Kewangan.
  - ii) Sijil Pendaftaran dengan CIDB dan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Pusat khidmat Kontraktor-PKK).
  - iii) Sijil Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
  - iv) Salinan surat lantikan pengedar / pembekal/ ejen (authorised dealer).
  - v) Resit / Bukti Pembayaran yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
  - vi) Maklumat syarikat beserta nombor telefon pegawai yang bertanggungjawab.
- Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy & softcopy (pendrive/cd)*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**
- ii) Petender perlu memastikan SOP KKM bagi membendung penularan wabak Covid-19 dipatuhi seperti amalan penjarakan sosial dan tidak dibenarkan sama sekali amalan penghantaran dokumen tawaran secara berkumpulan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

**\* Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**